

Sedia persekitaran kondusif di rumah

Serdang: Ibu bapa mempunyai peranan memberi bimbingan, galakan serta menyediakan persekitaran kondusif di rumah bagi meningkatkan prestasi pembelajaran anak, kata Datin Seri Rosmah Mansor.

Isteri Perdana Menteri berkata, berdasarkan Laporan Plowden, sikap ibu bapa terhadap pendidikan anak di rumah mempunyai kaitan dengan tahap pencapaian mereka di sekolah.

“Beri sokongan kepada anak dan anggaplah peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ini sebagai cabaran yang perlu didukung bersama anak,” katanya merasmikan Seminar Teknik Menghadapi SPM 2012-1Malaysia A+ disertai kira-kira 2,000 pelajar serta

majlis penyampaian Dana Ibunda Pendidikan Negara, di sini semalam.

Program di Universiti Putra Malaysia (UPM) itu anjuran Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) dan Yayasan Pelajaran Mara (YPM).

Rosmah turut meminta pelajar membudayakan pendidikan dalam kehidupan seharian serta tidak menelaah hanya untuk menghadapi peperiksaan selain persediaan dari segi akademik, persediaan mental dan fizikal juga memainkan peranan penting.

Beliau berkata, kajian menunjukkan pelajar bimbang terhadap sesuatu ujian akan mengalami gangguan emosi dan psikologi yang akan menjejaskan prestasi ketika meng-



Rosmah menyerahkan replika dana RM100,000 di UPM, Serdang, semalam. (FOTO BERNAMA)

hadapi peperiksaan.

Sementara itu, Rosmah berkata, 100 penuntut tahun pertama institusi pengajian tinggi daripada keluarga berpendapatan kurang RM1,500 sebulan

serta mempunyai tanggungan ramai, terpilih menerima Dana Ibunda Pendidikan Negara masing-masing RM1,000, hasil usaha sama YPM dan GPMS.

BERNAMA